

13/05/2002

Syor caruman KWSP tunai haji perlu kajian teliti

KUMPULAN Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diwujudkan bagi menyediakan payung tempat bernaung kepada pencarumnya pada hari tua. Ini tepat dengan slogannya `Simpanan Untuk Hari Tua'. Namun, KWSP menyediakan pelbagai kemudahan kepada pencarumnya walaupun mereka belum mencapai usia pencen. Ini termasuk skim perumahan, pelaburan menerusi saham amanah, pendidikan, perbelanjaan perubatan dan pembelian komputer. Langkah itu walaupun mengurangkan simpanan pada hari tua pencarum, dianggap memberi kemudahan kepada pencarum pada masa depan.

Contohnya, pencarum dapat memiliki rumah atau komputer dan kemudahan perubatan jika mereka sakit. Wang yang dilaburkan pula membawa pulangan dalam jangka panjang. Sekiranya KWSP tidak mengeluarkan wang seperti itu, agak sukar bagi sesetengah orang untuk memiliki kemudahan berkaitan. Pencarum sebenarnya mempunyai pilihan sama ada mahu mengeluarkan wang caruman mereka yang akan mengurangkan wang terkumpul untuk hari tua atau membiarkan wang mereka terkumpul di KWSP dan merancang untuk hari muka.

Kini timbul satu cadangan supaya pencarum beragama Islam dibenarkan mengeluarkan carumannya untuk mengerjakan haji. Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman, berkata beliau akan mencadangkan perkara itu kepada KWSP. Cadangan itu dikemukakan beberapa kakitangan kerajaan dalam sesi ramah mesra bersama pemimpin yang diadakan sejak akhir tahun lalu. Kakitangan terbabit meminta KWSP menyediakan skim khas yang membolehkan pencarum mengeluarkan simpanan untuk mengerjakan haji pada usia muda. Pengerusi KWSP, Tan Sri Abdul Halim Ali ketika mengulas perkara itu berkata, KWSP akan menimbang cadangan berkenaan. Sudah tentu ketika kajian dibuat, KWSP turut mengambil kira kesannya kepada pencarum.

Dalam hal ini, KWSP perlu membuat kajian teliti sebelum mengambil sebarang keputusan membenarkan pencarum mengeluarkan wang untuk menunaikan haji. Pada masa ini, sudah banyak kemudahan pengeluaran diberikan kepada pencarum. Jika kemudahan pengeluaran untuk menunaikan haji dibenarkan, bermakna semakin berkurangan wang pencarum pada hari tua. Ini disebabkan pengeluaran wang untuk belanja haji adalah belanja hangus berbanding pengeluaran bagi tujuan lain. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri bimbang jika semua wang dikeluarkan, pencarum akan mempunyai sedikit saja simpanan pada hari tua.

Satu lagi perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah langkah membenarkan wang caruman KWSP dikeluarkan untuk menunaikan haji akan memberi kesan kepada fungsi dan perjalanan Lembaga Tabung Haji. Sebagaimana diketahui bahawa pada masa ini, Tabung Haji adalah institusi yang menguruskan simpanan bakal haji. Jika pencarum dibenarkan mengeluarkan wang KWSP bagi mengerjakan haji, fungsi Tabung Haji pasti terhakis. Orang ramai tidak lagi menyimpan dalam Tabung Haji, sebaliknya lebih berminat mengeluarkan wang KWSP untuk menunaikan haji. Keadaan itu akan memberi kesan besar kepada Tabung Haji sebagai institusi yang selama ini bergantung kepada wang simpanan pencarum dalam kegiatannya.

Oleh itu, adalah baik Tabung Haji yang menerima simpanan bagi mereka yang ingin menunaikan haji dan wang KWSP digunakan untuk simpanan pada hari tua. Tabung Haji masih dianggap institusi paling berkesan menguruskan haji di Tanah Suci. Tabung Haji juga menjalankan kempen supaya orang ramai menyimpan secara kecil-kecilan bagi membolehkan mereka menunaikan haji dengan simpanan mereka yang berdekit-dekit. Sebaliknya, pencarum KWSP

mengetahui sudah ada skim untuk mereka, tidak perlu lagi mereka menyimpan dalam Tabung Haji. Walaupun cadangan pemergian haji menerusi pengeluaran wang KWSP adalah baik, untuk persediaan hari tua ia mungkin tidak begitu sesuai, walaupun simpanan itu adalah milik individu.

(END)